

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

CIS301 - Pengurusan Sistem Maklumat

Masa: [3 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** soalan di dalam **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
 - Jawab **EMPAT** (4) soalan daripada **LIMA** (5) soalan.
 - Jawab **SEMUA** soalan dalam Bahasa Malaysia.
-

1. (a) Model sering digunakan untuk perwakilan sistem-sistem yang ingin dibangun oleh para profesional sistem maklumat. Dalam konteks sistem maklumat, terangkan kekuatan dan kelemahan yang berkaitan dengan penggunaan model.

(30/100)
- (b) Takrifkan sistem 'probabilistic' dan sistem 'deterministic'. Berikan satu contoh sistem 'probabilistic' dan satu contoh sistem 'deterministic' dan terangkan keadaan-keadaan sesuatu sistem itu mungkin bertukar daripada sistem 'deterministic' kepada sistem 'probabilistic' dan sebaliknya.

(30/100)
- (c) Apakah sebab-sebabnya takrifan tentang "sistem maklumat" begitu sukar dicapai tanpa kontroversi?

(40/100)
2. (a) Patutkah pembekal perkhidmatan ATM (Automatic Teller Machine) dipersalahkan atas kehilangan/kerugian wang sebagai akibat kerosakan fail sistem ATM?

(30/100)
- (b) Apakah tanggungjawab seseorang pengaudit-dalam (internal auditor) ke atas masalah penipuan komputer dan apakah langkah-langkah pencegahan yang dapat diambil olehnya?

(35/100)
- (c) Bincangkan aspek 'Privacy' komputer yang dewasa ini menjadi satu tajuk yang sering disebut-sebutkan dan dipertikaikan oleh masyarakat umum.

(35/100)
3. (a) Pengambilan sumber dari luar ('outsourcing') untuk sistem maklumat merupakan satu kaedah yang semakin disukai oleh organisasi-organisasi dewasa ini. Apakah sebab utamanya ia disukai dan bincangkan tiga kebaikan dan tiga keburukan tentangnya sebagai akibat pengambilan sumber dari luar?

(40/100)

(b) Pengkomputeran pengguna semakin disukai oleh para pengguna dewasa ini. Apakah sebab-sebab wujudnya fenomena ini dan apakah kesan-kesan negatif yang berkaitan dengan pengkomputeran pengguna?
(30/100)

(c) Anda seorang pengurus komputer dan sedang membangunkan satu sistem maklumat yang berasaskan komputer untuk kali yang pertama. Apakah yang anda harus lakukan untuk memperolehi sistem-sistem (peralatan, perisian dan lain-lain) yang ingin anda bangunkan dan implementasikan?
(30/100)

4. (a) Memang telah menjadi satu kenyataan bahawa kadar perubahan kebolehan teknologi maklumat adalah begitu pesat sekali. Adakah usaha-usaha perancangan strategik sistem maklumat memadai (worthwhile) dan realistik? Pertahankan perbincangan anda.
(30/100)
- (b) Pelaburan yang di buat oleh banyak syarikat ke atas pembangunan sistem maklumat mereka semakin meningkat dan syarikat-syarikat ini bermula menyoal tentang "value for money". Huraikan masalah-masalah dan isu-isu yang berkaitan dengan penilaian palaburan sistem maklumat.
(40/100)
- (c) Sekiranya anda ingin membuat satu perbandingan di antara tiga sistem maklumat (yang fungsinya adalah sama) untuk menentukan sistem yang paling sesuai untuk organisasi anda. Apakah kriteria yang sesuai digunakan sebagai kriteria pilihan?
(30/100)
5. (a) Andaikan anda seorang perunding sistem maklumat yang profesional. Apakah nasihat-nasihat (advice) yang harus anda berikan kepada seorang pengurus pejabat yang ingin menilaikan ketersauran mengimplementasikan satu sistem untuk kali pertama yang berasaskan komputer di pejabatnya?
(30/100)
- (b) Bincangkan tiga perubahan di dalam persekitaran ekonomi dunia yang mendorong perkembangan bidang sistem maklumat dewasa ini.
(30/100)
- (c) Huraikan tujuh isu yang merupakan cabaran utama kepada orang-orang yang merekabentuk dan menggunakan sistem maklumat.
(40/100)